

Hala tuju mahasiswa

SISWA
DOT
COM

Pemerintah perlu kekang ideologi berbahaya pengaruhi pelajar

JEMAAH Islamiah (JI) ditubuhkan Abu Bakar Bashir dan Abdullah Sungkar, ketika bersembunyi di Malaysia yang kononnya memperjuangkan penubuhan Daulah Islamiyah di Asia Tenggara.


Peristiwa pengeboman Bali pada tahun 2002 dan rentetan letupan bom di Indonesia yang mengorbankan banyak nyawa orang awam sering dikaitkan dengan JI yang akhirnya tersenarai sebagai organisasi penganas oleh Amerika Syarikat.

Di Malaysia JI menyusup ke universiti tempatan berikutan pembabitan pensyarah, Dr Azahari Husin, terpengaruh dengan perjuangan dibawa kumpulan itu.

Ini bukan kali pertama masyarakat kampus di negara ini didekati ejen asing. Ia berlaku sejak tahun 60-an dan 70-an lagi. Merujuk pengakuan bekas aktivis pelajar yang juga Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), Kamarazaman Yaacob, mengenai ejen asing seperti CIA dan KGB sering merekrut mahasiswa menjadi sebahagian organisasi mereka.

Persoalannya, kenapa mahasiswa sering menjadi sasaran? Hal ini berlaku kerana mahasiswa dipandang sebagai kumpulan yang senang dimanipulasi.

Sifat 'anti-establishment', senang dipengaruhi, seman-



KES pengeboman hotel JW Marriot di Jakarta baru-baru ini dikaitkan dengan penganas yang membabitkan anggota JI.

gat perjuangan tinggi dan pemberontakan jiwa pada zaman remaja menyebabkan mereka senang didekati dan diperalatkan.

Apabila sesuatu isu disampaikan kepada mereka dengan niat untuk memanipulasi walaupun separuh benar menyebabkan pelajar terbabit terus terpengaruh dan terus menyokong perjuangan pihak yang berkepentingan.

Ditambah lagi sikap keba-

nyakan mahasiswa yang kurang mengkaji isu disampaikan, sebaliknya lebih selesa mengikuti perkara itu kerana bersesuaian dengan jiwa mereka.

Mahasiswa sejak dulu lagi diberikan gelaran sebagai 'ejen perubahan' sama ada kepada masyarakat, atau negara mereka sendiri.

Pembabitan mahasiswa dalam mengubah hala tuju negara dan masyarakat bukanlah perkara baru, seperti yang

dibuktikan Mao Tze Tung di China, yang menjadi peledak kebangkitan komunis pada 1919, pembabitan mahasiswa dalam Revolusi Islam di Iran pada 1979, suara mahasiswa yang memaksa Presiden Indonesia, Suharto turun takhta pada 1998, dan protes mahasiswa dari Universiti Peking dalam peristiwa Tiananmen Square, China pada 1989.

Mahasiswa juga dilihat golongan yang dapat menyebarkan

fahaman dengan berkesan kerana mereka dikatakan mempunyai kedudukan dihormati dalam kalangan masyarakat. Kita turut menyaksikan kesannya, dalam tunjuk perasaan Baling pada 1974.

Inilah sebenarnya yang bahaya, apabila ideologi yang salah disampaikan kepada masyarakat dan berkembang pula, sehingga sukar untuk dibendung.

Berdasarkan situasi ini perka-

ra terbaik yang harus dilakukan pemerintah bagi mengekang ideologi berbahaya daripada mempengaruhi mahasiswa ialah dengan memperketatkan pengawasan dan kawalan keselamatan. Penahanan 10 anggota JI, lima daripadanya mahasiswa adalah langkah efektif bagi membendung perkara ini.

Selain daripada itu, mahasiswa sendiri perlu bersikap kritis dan analitikal terhadap perkara disampaikan kepada mereka supaya tidak terperangkap dakyah asing dan ideologi berbahaya yang mampu membawa negara ke ambang kehancuran.

Perjuangan memartabatkan agama adalah sesuatu perkara murni yang diwajibkan dalam Islam kepada seluruh umatnya, namun niat yang ikhlas tidak menghalalkan semua cara bagi menjalankan perjuangan berkenaan.

Mahasiswa tonggak masa depan negara, pewaris kepada kepemimpinannya, golongan ini perlu dijaga supaya asas yang dibina selama ini tidak runtuh dan roboh dek kerana terpengaruh dengan dakyah yang dipesongkan berlandas perjuangan agama.

**SYED MUHAMMAD ADAM
SYED ABDUL RAHMAN,
Yang Dipertua Majlis
Perwakilan Pelajar UPM.**